

NOTIS TENDER

TENDER NO. T180214 - KONTRAK PEMBEKALAN PEKERJA-PEKERJA BURUH UNTUK KERJA-KERJA MENAMBAT DAN MELEPASKAN KAPAL, MENGUBAH KEDUDUKAN KAPAL, PEMBEKALAN AIR TAWAR KE KAPAL SERTA KERJA-KERJA PEMBERSIHAN DERMAGA DAN JAMBATAN DI DERMAGA BUTTERWORTH, PENANG PORT SDN. BHD .

Saya telah diarah untuk memaklumkan kepada tuan bahawa Penang Port sedang mengeluarkan tawaran untuk kontrak di atas.

Tender adalah dipelawa kepada kontraktor/syarikat yang:

1. **Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).**
2. **Mempunyai pengalaman dalam bidang yang berkaitan.**

Sekiranya tuan berminat, Borang Tender (**CD-ROM**) yang berharga **RM53.00** (Ringgit Malaysia : Lima Puluh Tiga Sahaja) termasuk 6% GST boleh dibeli melalui wang tunai/bank deraf sahaja (wang tidak akan dikembalikan) di Unit Perolehan, Tingkat 1 Bangunan Ibu Pejabat Pentadbiran Penang Port Sdn. Bhd., Pulau Pinang pada waktu-waktu pejabat, sebelum jam 4.30 petang. Lawatan ke tapak kerja akan di adakan pada :

Tarikh : 20 April 2018 .

Waktu : 9.00 pagi.

Tempat : Bilik Mesyuarat Tingkat Bawah , Bangunan Wisma Kontena Utara, NBCT.

Lawatan tapak adalah penting bagi tujuan memahami skop kerja. Kehadiran penender akan diambilkira semasa proses penilaian tender.

Sehubungan itu, pihak Tuan dikehendaki memenuhi keperluan keselamatan dengan pemakaian lengkap jaket dan topi keselamatan semasa menghadiri lawatan tapak ini. Pihak tuan adalah tidak dibenarkan memasuki kawasan atau premis Penang Port tanpa memenuhi syarat keselamatan ini.

Tawaran sebutharga yang telah lengkap hendaklah dimeterai dan bertanda:

“TENDER NO. T180214 - KONTRAK PEMBEKALAN PEKERJA-PEKERJA BURUH UNTUK KERJA-KERJA MENAMBAT DAN MELEPASKAN KAPAL, MENGUBAH KEDUDUKAN KAPAL, PEMBEKALAN AIR TAWAR KE KAPAL SERTA KERJA-KERJA PEMBERSIHAN DERMAGA DAN JAMBATAN DI DERMAGA BUTTERWORTH, PENANG PORT SDN. BHD “

dan dimasukkan ke dalam Peti **Tender “B”** di Unit Kasir, Bahagian Kewangan, Tingkat 1, Bangunan Ibu Pejabat Pentadbiran, Penang Port Sdn. Bhd., No. 1, Pesara King Edward, 10300 Pulau Pinang.

Waktu-waktu penyerahan Tawaran Sebutharga

Isnin - Khamis : 8.15 pagi - 4.30 petang.

Jumaat : 8.15 pagi - 12.45 tengahari/2.45 petang – 4.30 petang.

Tarikh tutup tawaran ialah pad **8 Mei 2018** tidak lewat dari **jam 12.00 tengahari**. Tawaran tender yang lewat tidak akan dilayan.

Penang Port tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran atau sebahagian daripada tawaran atau yang terendah sekali.